

02 OCT 1998

Mohamed-RTM

MENTERI PENERANGAN JELASKAN KEDUDUKAN SIARAN BERITA RTM

PULAU PINANG, 2 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini menjelaskan bahawa kakitangan RTM tidak mempunyai maksud yang tidak baik apabila tidak menjadikan kes pendakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai berita utama dalam siaran beritanya pada 29 Sept lepas.

Beliau berkata, memang menjadi tanggungjawab Kementerian Penerangan untuk memberikan maklumat kepada orang ramai dan menolak kemungkinan terdapat unsur sabotaj oleh kakitangan tertentu dalam perkara itu.

Sebelum sesuatu berita disiarkan kakitangan terbabit akan mengadakan perbincangan terlebih dahulu dan beliau juga tidak tahu mengapa berita tentang Anwar tidak dijadikan tajuk utama oleh RTM pada hari berkenaan walhal ia merupakan berita utama pada hari itu, katanya.

"Saya telah mengadakan mesyuarat dengan kakitangan terbabit semalam dan menasihati mereka supaya perkara seumpama ini tidak berulang lagi di masa depan," katanya kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas sepucuk surat pembaca yang disiarkan di ruangan forum sebuah akhbar tempatan mengenai peranan Menteri Penerangan dan RTM dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

Mohamed juga berkata, rakyat Malaysia bijak membuat penilaian terhadap berita-berita yang disiarkan media asing dan tidak mudah terpengaruh dengannya.

Mereka tahu mengenai perkara sebenarnya walaupun media asing cuba memutarbelitkan fakta tentang keadaan negara terutama berhubung kes Anwar.

"Media asing memang telah lama berusaha untuk memusnahkan negara ini melalui laporan-laporan mereka tetapi usaha itu gagal dan negara masih kuat, stabil dan maju," katanya.

Beliau juga berkata, Kementerian Penerangan akan mengadakan sesi penerangan dan taklimat kepada kakitangannya di seluruh negara mengenai tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept lepas dan daripada Umno sehari kemudian.

Menurut Mohamed beliau telahpun mengadakan taklimat untuk ketua-ketua jabatan dan agensi terbabit di bawah Kementerian Penerangan di Pulau Pinang sempena majlis hari ini supaya mereka memahami isu itu dan dapat menjelaskan kepada orang ramai dengan baik.

Beliau juga berharap tiada kakitangan Kementerian itu yang terbabit dalam sebarang gerakan atau demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan kerana ia bertentangan dengan perintah am dan undang-undang negara.

Terdahulu itu, ketika berucap pada majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang Kementerian Penerangan bagi zon utara di sini, beliau meminta semua kakitangan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sentiasa berusaha membantu mewujudkan sebuah kerajaan yang cekap, adil dan saksama.

-- BERNAMA

ZU PR